KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	28.07.22	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	TNB			

lokal

BEBERAPA KAWASAN SEMENANJUNG BERGELAP

Hilang 10% bekalan elektrik

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor dan Mohamed Farid Noh
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bekalan elektrik yang menjejaskan beberapa kawasan di Lembah Klang, Pahang dan Pulau Pinang, semalam pulih berperingkat dalam tempoh seawal 20 minit sepenuhnya pada jam 3.02 petang.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam kenyataan berkata, pemulihan itu hasil usaha berterusan Pasukan Teknikal TNB, dengan semua kawasan terjejas menerima bekalan sepenuhnya pada jam 3.02 petang.

"Siasatan TNB mendapati gangguan bekalan yang bermula pada 12.19 tengah hari itu berpunca daripada kerosakan di salah satu peralatan di Pencawang Masuk Utama (PMU) Yong Peng North di Yong Peng, Johor.

"Ia mengakibatkan kehilangan beban sebanyak 2.2 gigawatt (GW) yang merupakan 10 peratus daripada keseluruhan permintaan bekalan di Semenanjung Malaysia," katanya.

TNB turut memohon maaf atas segala kesulitan yang dialami oleh pengguna semasa gangguan bekalan tersebut.

Sementara itu, Pengurus Besar TNB Johor, Mohamed Noh Md Seth mengakui berlaku percikan api atau *flashover* di PMU Yong Peng yang membawa kepada insiden terputus bekalan elektrik semalam.

Bagaimanapun, katanya, kejadian itu tidak menyebabkan pengguna di Johor terjejas.

Terdahulu, tular video berdurasi 25 saat yang mendakwa berlaku percikan api di PMU Yong Peng.

Sementara itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor berkata, tidak menerima sebarang panggilan kecemasan berhubung kejadian.

Lembah Klang dan beberapa negeri gempar selepas mengalami gangguan elektrik yang turut menjejaskan perkhidmatan tel Aliran Transit Ri lampu isyarat nan-ban ibu kota.



TANGKAP layar rakaman video yang menunjukkan terdapat percikan api pada salah satu peralatan di PMU Yong Peng North di Yong Peng, Johor.





SEBUAH premis hiburan di Kuala Lumpur bergelap selepas mengalami gangguan bekalan elektrik.



LAPANGAN Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) turut mengalami gangguan bekalan elektrik sekitar jam 1 tengah hari, semalam.



PETUGAS kaunter teksi, Mohamad Azuan Ishak, 32, menunjukkan tiket bertulis tangan kerana terputus bekalan elektrik.